



**MOHD. FIRDAUS MEHAT (kiri) dan Dr. Kartini Farah Rahim (kanan) bersama keluarga pesakit ichthyosis, ketika program Hari Keluarga Pekim di Cameron Highlands, baru-baru ini.**

## Pekim anjur hari keluarga

**B**UAT julung kali, Pertubuhan Kebajikan Pesakit Ichthyosis Malaysia (Pekim), telah menganjurkan hari keluarga antara sesama ahli bersama keluarga masing-masing, di Agropark, Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang, baru-baru ini.

Pada program berkenaan, Pekim berjaya mengumpulkan 70 peserta terdiri daripada penghidap ichthyosis dan keluarga mereka dari Kelantan, Kedah, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Wilayah Persekutuan, serta mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Cameron Highlands dengan menyediakan kemudahan tempat bagi pertubuhan ini mengadakan aktiviti.

Apa yang membanggakan, pertubuhan ini turut mengadakan mesyuarat agung kali pertama bagi memilih jawatankuasa yang akan mengemudi Pekim bagi penggal 2016/2018.

Program bermula dengan sesi suai kenal bersama ahli baru serta berkongsi pengalaman masing-masing dalam mengharungi kehidupan seharian sebagai penghidap ichthyosis.

Menurut Pengerusi Pekim, **Mohd. Firdaus Mehat**, banyak cerita suka duka yang dikongsi bersama dan ramai yang menyatakan rasa gembira kerana berpeluang bertemu sesama insan senasib bagi berkongsi cerita dan dapat berpayung di bawah satu pertubuhan bagi bersama-sama memperjuangkan nasib penghidap ichthyosis agar dapat hidup bersama-sama dengan masyarakat.

"Pada mesyuarat berkenaan, kita juga telah menetapkan tiga perkara utama yang mesti diberi perhatian yang serius iaitu kebajikan, pelajaran dan rawatan

lanjutan bagi membolehkan penghidap ichthyosis hidup dengan selesa.

"Selain itu pihaknya juga berharap supaya permohonan Pekim bagi mendapatkan nombor pelepasan cukai daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan berjaya bagi memudahkan pihak Pekim mengumpulkan dana bagi menjayakan dasar Pekim untuk membela nasib penghidap ichthyosis yang terdapat di seluruh Malaysia.

"Program Hari Kesedaran Ichthyosis peringkat kebangsaan akan diadakan pada bulan Mei ini yang bertujuan menyampaikan maklumat yang betul kepada masyarakat mengenai ichthyosis," jelasnya.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran penasihat Pekim, Pakar Perunding dan Pensyarah Kanan Dermatologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Kartini Farah Rahim yang sudi menyampaikan cek sumbangan kepada pertubuhan ini daripada sebuah syarikat farmaseutikal bumiputera yang menghasilkan ubat-ubatan khusus dalam penjagaan kulit iaitu Xorix Sdn. Bhd.

Syarikat ini juga bermurah hati menyumbang RM1,000 bagi pengurusan Pekim berserta 20 set losyen penjagaan kulit kepada ahli-ahli Pekim.

Pegawai Kebajikan Daerah Cameron Highlands, Erliyani Abdul Hak, turut hadir pada majlis sukaneka yang diadakan pada hari kedua program berkenaan.

Bagi yang ingin membantu ahli-ahli pertubuhan ini, boleh hantarkan sumbangan anda menerusi akaun CIMB Islamic Bank bernombor 86-0229705-2 atau pertanyaan lanjut boleh hubungi talian 012-4467112.



**SEBAHAGIAN ahli-ahli Pekim bersama keluarga masing-masing ketika program Hari Keluarga yang dianjurkan pertubuhan berkenaan di Cameron Highlands, baru-baru ini.**